

NAMA:

KELAS:

TARIKH:

SEJARAH TINGKATAN 2

BAB 5 KESULTANAN MELAYU MELAKA



Pemahaman dan Pemikiran Kritis

- Mengapakah Parameswara memilih Orang Laut sebagai penjaga keamanan dan keselamatan Melaka?
 - Mahir dalam perdagangan.
 - Memberikan taat setia kepada raja.
 - Merupakan penduduk asal negeri Melaka.
 - Mempunyai hubungan dengan kerajaan Siam.
- Apakah keistimewaan Sungai Melaka yang menyebabkan Parameswara mengasaskan kerajaan di tempat berkenaan?
 - Tanahnya subur.
 - Mudah memperoleh sumber makanan.
 - Bentuk muka bumi yang berbukit bukau.
 - Terlindung daripada tiupan angin monsun.
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Bagaimanakah hubungan antara Kesultanan Melayu Melaka dengan China dapat membantu perdagangan di Melaka?
 - Melaka dapat bantuan kewangan dari China.
 - Melaka dapat mengawal pedagang-pedagang China.
 - Melaka dapat perlindungan China daripada ancaman luar.
 - Melaka dapat menguasai barang dagangan yang dibawa dari China.
- (a) Senaraikan lokasi pengembaraan Parameswara sehingga tertubuhnya Kesultanan Melayu Melaka.



Biawak Busuk	Hulu Bertam	Kota Buruk	Palembang	Sening Hujung	Temasik
-----------------	----------------	---------------	-----------	------------------	---------

- b) Padankan kelebihan faktor geografi yang menyebabkan Parameswara mengasaskan kerajaan di Melaka.

Kedudukan strategik	Kapal selamat untuk berlabuh
Terlindung daripada tiupan angin monsun	Terletak di laluan perdagangan antara timur dan barat
Bentuk muka bumi berbukit bukau	Menjadi pelindung daripada ancaman musuh
Pokok bakau dan api-api pesisir pantai	Sesuai dijadikan benteng pertahanan dan panduan kapal dagang

c) Sekiranya anda merupakan pengasas Kesultanan Melayu Melaka, berikut adalah langkah yang anda boleh ambil untuk membangunkan kerajaan ini, **kecuali**

- Memantapkan sistem pemerintahan dan pentadbiran.
- Menjalankan dasar tutup pintu kepada semua pedagang.
- Menjalin hubungan diplomatik dan persahabatan dengan semua negara.
- Memperkenalkan dasar cukai yang rendah dan mesra rakyat / pelanggan.
- Memperkemaskan dan mempertingkatkan kekuatan pasukan keselamatan.

5. Jadual di bawah berkaitan perluasan wilayah oleh Kesultanan Melayu Melaka. Berdasarkan pelbagai sumber, lengkapkan maklumat jadual di bawah.

Kerajaan	Cara Perluasan Kuasa	Sebab Perluasan Kuasa
Kelantan		
Inderagiri		
Siak		
Jambi		
Aru		

6. Bandingkan Hukum Kanun Melaka dengan Undang-Undang Laut Melaka.

Nama	Pemerintah	Kandungan (Fasal)
Hukum Kanun Melaka		- Mengandungi fasal. - Kandungannya berkaitan dan raja serta pembesar. - Hukum juga terdapat di dalam undang-undang ini yang berkaitan dengan , urusan dan kekeluargaan.
Undang-Undang Laut Melaka		- Mengandungi fasal. - Menerangkan tentang peraturan di dan tertib serta tatacara berjual beli. - Kandungannya juga berkaitan tanggungjawab , anak kapal, kiwi dan .